SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti


77 PERSPEKTIF KESELURUHAN

**Sisipan** - Mengurus Risiko: Ke Arah Penerbitan Penyata Risiko Fiskal Malaysia

84 PENDEDAHAN HUTANG DAN LIABILITI

84 JAMINAN KEWANGAN

86 KOMITMEN JAMINAN

87 LIABILITI LAIN

88 KESIMPULAN

SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti

## Perspektif Keseluruhan

Mutakhir ini, landskap risiko fiskal terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan luaran serta keperluan semasa ekonomi domestik. Konflik geopolitik mewujudkan risiko ke atas kestabilan makro dan aliran perdagangan sehingga menyebabkan penyimpangan sasaran fiskal. Pada peringkat domestik, faktor seperti peningkatan kos sara hidup, jurang pembangunan wilayah, masyarakat menua dan perubahan iklim boleh meningkatkan tekanan ke atas kewangan awam. Selain itu, pelaksanaan agenda pembangunan nasional di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) khususnya melalui pelaburan dalam infrastruktur, peralihan tenaga, penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam dan sokongan kepada sektor ekonomi memerlukan pengurusan sumber yang cekap. Sehubungan dengan itu, keperluan pembiayaan melalui peruntukan belanjawan dan pinjaman perlu diurus secara berhemat dan seimbang.

Pengurusan hutang dan liabiliti kerajaan secara berhemat yang disokong oleh rangka kerja fiskal jangka masa sederhana serta penilaian risiko menyeluruh kekal menjadi keutamaan bagi mengekalkan kemampanan fiskal. Berteraskan prinsip ini, inisiatif pembaharuan fiskal yang telah dilaksanakan secara konsisten sejak empat tahun lalu serta disokong oleh pertumbuhan kukuh dan pasaran kewangan yang berdaya tahan telah membantu mengawal pendedahan risiko fiskal. Selain itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menetapkan keperluan untuk Kerajaan mewujudkan pengurusan risiko fiskal komprehensif sebagai inisiatif penting untuk mengurangkan ketidaktentuan dan tekanan fiskal luar jangka. Oleh itu, Kerajaan terus menambah baik ketelusan fiskal terutamanya penzahiran maklumat risiko fiskal. Inisiatif tersebut secara keseluruhan akan membantu memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia, memperkemas pengurusan kewangan awam dan meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan.

**SISIPAN**

### Mengurus Risiko: Ke Arah Penerbitan Penyata Risiko Fiskal Malaysia

**Pengenalan**

Pengurusan risiko fiskal yang berkesan penting dalam usaha memperkukuh daya tahan dan kemampanan fiskal bagi memastikan kesiapsiagaan Kerajaan untuk bertindak balas terhadap ketidaktentuan ekonomi dan kewangan yang berpotensi meningkatkan komitmen fiskal. Walaupun inisiatif pembaharuan yang sedang dilaksanakan memberikan kesan ketara kepada trajektori konsolidasi fiskal, namun faktor risiko lain seperti persekitaran makro fiskal, ketidaktentuan pasaran kewangan dan pendedahan liabiliti luar jangka perlu sentiasa dinilai dan diurus secara berhemat. Pelaporan risiko fiskal merupakan sebahagian usaha penting Kerajaan untuk memperkemas amalan pengurusan risiko dan menyokong kemampanan kedudukan kewangan awam. Sehubungan dengan itu, penerbitan Penyata Risiko Fiskal diperlukan bagi menambah baik rangka kerja pengurusan risiko fiskal di Malaysia.

### Apakah Penyata Risiko Fiskal?

Penyata Risiko Fiskal merupakan dokumen awam bersepadu yang mengenal pasti, menyediakan penilaian secara kuantitatif jika bersesuaian serta menjelaskan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian sasaran fiskal berbanding unjuran asas dan unjuran jangka masa sederhana. Penyata ini juga menyediakan maklumat penilaian secara menyeluruh mengenai pelbagai sumber risiko fiskal termasuk kejutan makroekonomi, liabiliti luar jangka dan pendedahan struktural. Selain itu, Penyata Risiko Fiskal menyediakan perspektif menyeluruh tentang risiko yang telah berlaku serta langkah-langkah dan penyusunan semula tadbir urus institusi bagi memantau, mengurus dan mengurangkan risiko. Penyatuan penilaian di bawah rangka kerja analitik dapat menyokong proses membuat keputusan termaklum, mengukuhkan kemampanan fiskal dan meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan Kerajaan menguruskan risiko fiskal dalam jangka masa sederhana.

### Penanda Aras Antarabangsa bagi Pelaporan Risiko Fiskal

Piawaian dan amalan terbaik antarabangsa mengiktiraf keperluan pelaporan risiko fiskal. Risiko ke atas kewangan awam wajar dimaklum, diteliti dan diuruskan serta diselaraskan secara efektif dengan proses membuat keputusan seperti disarankan oleh Teras III di bawah Fiscal Transparency Code (Fiscal Risk Analysis and Management) oleh IMF seperti di Rajah 1. Piawaian ini mengguna pakai pendekatan berperingkat dalam penzahiran maklumat risiko fiskal dengan pelaporan dikategorikan kepada tahap asas, baik dan lanjutan. Pihak IMF juga berpandangan bahawa negara boleh memperkemas pelaporan dan rangka kerja pengurusan risiko fiskal secara berperingkat. Pada masa yang sama, OECD Best Practices for Managing Fiscal Risks menyatakan bahawa pelaporan risiko fiskal perlu secara eksplisit mengenal pasti kemungkinan penyimpangan sasaran unjuran jangka masa sederhana dan panjang serta mengutamakan data yang menyokong proses membuat keputusan dan akauntabiliti. Bagi mengelakkan lambakan maklumat serta menggalakkan perbincangan termaklum, pihak OECD juga menyarankan penggunaan klasifikasi risiko yang jelas, had penzahiran dengan nilai tertentu, alat visual seperti jadual matriks risiko serta menyediakan naratif penjelasan sekiranya penilaian kuantitatif risiko tidak dapat dilaksanakan.

**RAJAH 1.** *Teras III di bawah Fiscal Transparency Code (Fiscal Risk Analysis and Management) oleh IMF*

| Prinsip | Fokus | Kaedah pelaksanaan oleh kerajaan |
|---|---|---|
| **Dimensi 3.1 Pelaporan Risiko dan Analisis – menerbitkan rumusan laporan secara berkala bagi prospek risiko fiskal** | | |
| **3.1.1** | **Risiko Makroekonomi** | Melaporkan penyimpangan pencapaian fiskal berbanding unjuran asal berdasarkan pelbagai andaian makroekonomi. |
| **3.1.2** | **Risiko Fiskal Spesifik** | Menyediakan laporan rumusan berkala mengenai risiko spesifik utama ke atas unjuran fiskal. |
| **3.1.3** | **Kemampanan Fiskal Jangka Masa Panjang** | Menerbitkan secara berkala evolusi unjuran kewangan awam dalam jangka masa panjang. |
| **Dimensi 3.2 Pengurusan Risiko – risiko spesifik perlu dipantau, dizahirkan dan diuruskan secara berkala** | | |
| **3.2.1** | **Belanjawan Luar Jangka** | Mengekalkan tahap belanjawan mencukupi dan telus bagi perkara luar jangka yang berlaku semasa tempoh pelaksanaan. |

| Prinsip | Fokus | Kaedah pelaksanaan oleh kerajaan |
|---|---|---|
| **3.2.2** | **Pengurusan Aset dan Liabiliti** | Menzahirkan maklumat dan menguruskan risiko berkaitan aset dan liabiliti utama. |
| **3.2.3** | **Jaminan** | Menzahirkan secara berkala maklumat pendedahan jaminan yang ditetapkan secara perundangan. |
| **3.2.4** | **Kerjasama Awam Swasta (PPP)** | Menzahirkan maklumat secara berkala dan menguruskan obligasi PPP secara berterusan. |
| **3.2.5** | **Pendedahan terhadap Sektor Kewangan** | Menganalisis, menzahirkan maklumat dan menguruskan kemungkinan pendedahan fiskal terhadap sektor kewangan. |
| **3.2.6** | **Sumber Asli** | Menilai, menzahirkan maklumat dan menguruskan kepentingan kerajaan dalam sumber asli yang tidak boleh diperbaharui serta aktiviti eksploitasi. |
| **3.2.7** | **Risiko Alam Sekitar** | Menganalisis, menzahirkan maklumat dan menguruskan kemungkinan pendedahan fiskal terhadap bencana alam dan risiko alam sekitar utama lain. |
| **Dimensi 3.3 Koordinasi Fiskal – hubung kait dan pencapaian fiskal merentas sektor awam perlu dianalisis, dizahirkan dan diselaras** | | |
| **3.3.1** | **Kerajaan Subnasional** | Mendapatkan dan menerbitkan maklumat komprehensif mengenai kedudukan dan prestasi kewangan kerajaan subnasional secara individu dan sebagai entiti yang disatukan. |
| **3.3.2** | **Syarikat berkaitan kerajaan** | Menerbitkan secara berkala maklumat komprehensif mengenai prestasi kewangan syarikat berkaitan kerajaan termasuk aktiviti kuasi-fiskal. |

Sumber: Fiscal Transparency Handbook (2018), IMF

Bank Dunia pula menyatakan bahawa pelaporan risiko fiskal memainkan peranan penting dalam ketelusan fiskal dan pengurusan risiko menyeluruh sekali gus membantu kerajaan mengenal pasti, menilai dan memberikan maklumat mengenai kemungkinan penyimpangan sasaran belanjawan. Pelaporan risiko tersebut bukan sahaja mengukuhkan akauntabiliti awam malah meningkatkan tahap kesedaran dan kesiapsiagaan jika berlaku implikasi kewangan.

Sebagai pelengkap kepada piawaian antarabangsa tersebut, penerbitan penyata risiko fiskal yang telah diinstitusikan di beberapa negara boleh menjadi sumber rujukan kepada Malaysia. Pelaporan penyata risiko fiskal negara tersebut didapati tidak hanya terhad kepada satu kaedah sahaja tetapi mempunyai pelbagai kaedah pelaporan seperti penyata statutori dalam dokumen belanjawan dan penerbitan secara tunggal mengandungi analisis kebarangkalian yang diterbitkan oleh institusi fiskal bebas. Hasil penelitian ke atas lima negara yang dipilih mewakili ekonomi maju dan negara serantau menunjukkan tahap kematangan dan penzahiran maklumat yang berbeza (Rajah 2). Sehubungan dengan itu, langkah menanda aras amalan terbaik antarabangsa menyediakan panduan kepada Malaysia untuk merangka penyata risiko fiskal bersesuaian sekali gus membolehkan kaedah yang relevan diguna pakai secara berperingkat selaras dengan tahap keupayaan analitikal dan kesediaan institusi.

**RAJAH 2.** *Ringkasan Perbandingan Amalan Pelaporan Risiko antara Negara yang Dipilih*

| Negara | Asas perundangan | Isi kandungan penyata | Ciri utama |
|---|---|---|---|
| **Australia** | Perundangan utama (Charter of Budget Honesty Act 1998) | • Penyata risiko dalam setiap Belanjawan dan Tinjauan Ekonomi dan Fiskal Pertengahan Tahun.<br>• Merangkumi liabiliti luar jangka, jaminan dan risiko ekonomi/ dasar secara umum. | • Dimandatkan melalui undang-undang.<br>• Risiko di bawah nilai ambang akan disatukan. |
| **Indonesia** | Amalan eksekutif (bab risiko fiskal dalam nota kewangan tahunan) | • Bab risiko fiskal merangkumi andaian makroekonomi, pendedahan entiti milik kerajaan (SOE) dan jaminan, obligasi PPP dan risiko bencana alam/ luar jangka. | • Penyatuan risiko fiskal ke dalam nota belanjawan, bantuan ekstensif kepada SOE, pembiayaan infrastruktur, jaminan dan langkah mitigasi tertentu. |
| **New Zealand** | Perundangan utama (Public Finance Act 1989; Fiscal Responsibility provisions) | • Penyata risiko spesifik dan liabiliti luar jangka dalam laporan Budget Economic and Fiscal Update.<br>• Risiko kuantitatif dan bukan kuantitatif dilaporkan pada setiap belanjawan dan laporan terkini. | • Dimandatkan melalui perundangan.<br>• Negara perintis kepada pelaporan risiko. |
| **Filipina** | Amalan eksekutif melalui Development Budget Coordination Committee (secara tahunan sejak 2011) | • Annual Fiscal Risks Statement: risiko makro, SOE, institusi keselamatan sosial, PPP, liabiliti luar jangka lain, kerajaan tempatan, bencana alam dan analisis kemampanan hutang awam. | • Model terhampir bagi pasaran baru muncul dan ekonomi membangun serantau.<br>• Jadual penilaian kuantitatif liabiliti luar jangka dan dana liabiliti luar jangka. |
| **United Kingdom** | Badan bebas di bawah remit statutori (Office for Budget Responsibility; Charter for Budget Responsibility) | • Laporan tahunan risiko fiskal dan kemampanan.<br>• Mengekalkan daftar risiko tersendiri.<br>• HM Treasury menyediakan maklum balas rasmi kerajaan. | • Disediakan oleh badan bebas bukan eksekutif.<br>• Laporan risiko fiskal tunggal yang dikeluarkan oleh institusi fiskal bebas. |

Sumber: Fiscal Transparency Handbook (2018) IMF; OECD Best Practices for Managing Fiscal Risks dan penyata/ laporan risiko fiskal negara yang dipilih.


### Tahap Kemajuan Malaysia dalam Penerbitan Penyata Risiko Fiskal

Malaysia telah memperkemas pelaporan risiko fiskal secara berterusan sejak 2017. Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan (FORE) yang dibentangkan bersekali dengan Belanjawan mengandungi seksyen khusus mengenai Risiko Fiskal dan Liabiliti. Seksyen ini mengandungi maklumat mengenai Jaminan Kewangan, obligasi PPP dan liabiliti lain. Kerajaan juga menerbitkan analisis kemampanan hutang (DSA) yang mengandungi ujian tekanan secara dwitahunan sebagai sebahagian daripada pelaporan risiko di bawah FORE.

Kerajaan telah menggubal perundangan dan mewujudkan asas operasi bagi cadangan penerbitan penyata risiko fiskal yang khusus sebagai usaha memperkukuh pelaporan risiko sedia ada. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menyediakan rangka kerja institusi dasar dan menjelaskan tanggungjawab Menteri Kewangan ke atas pengurusan risiko fiskal. Seksyen 37 Akta 850 memperuntukkan penerbitan penyata risiko fiskal yang menyediakan asas perundangan jelas bagi memperkukuh pelaporan risiko fiskal di Malaysia. Di samping itu, had statutori ke atas Jaminan Kewangan telah ditetapkan pada kadar 25% daripada KDNK di bawah Akta 850 bagi mengurangkan risiko fiskal daripada liabiliti luar jangka.

Sejak pewartaan Akta 850, Kerajaan telah memulakan langkah awalan bagi penerbitan penyata risiko fiskal yang khusus. Penerbitan ini akan dilaksanakan secara berfasa dan boleh diukur dengan setiap fasa akan memperkukuh asas bagi peringkat seterusnya seperti dalam Rajah 3. Kaedah ini membolehkan pengumpulan data penting, keupayaan analitikal dan koordinasi institusi dilaksanakan secara progresif bagi memastikan penerbitan penyata ini selari dengan kemampuan dan kesediaan institusi berkaitan di Malaysia.

**RAJAH 3.** *Fasa Penerbitan Penyata Risiko Fiskal*




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

### Cadangan Elemen Penyata Risiko Fiskal

Seksyen 37 Akta 850 menjelaskan bahawa penyata risiko fiskal perlu mengandungi beberapa elemen antaranya risiko makroekonomi, tahap Jaminan Kewangan, pendedahan ke atas liabiliti lain serta pelan mitigasi bagi mengawal pendedahan risiko. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa elemen yang boleh dimasukkan dalam penyata risiko fiskal pertama Malaysia setelah mengambil kira amalan terbaik antarabangsa dan penerbitan oleh negara lain seperti dalam Rajah 4.

**RAJAH 4.** *Elemen Penyata Risiko Fiskal*

| Komponen | Liputan | Kaedah penzahiran |
|---|---|---|
| **1. Perspektif keseluruhan dan konteks** | Tujuan, skop dan asas perundangan; rumusan mengenai penetapan asas fiskal; dan kemungkinan risiko yang boleh menyebabkan penyimpangan. | Secara naratif. |
| **2. Risiko makro-fiskal** | Cadangan untuk menyediakan analisis sensitiviti hasil, belanja, tahap defisit dan hutang terhadap perubahan KDNK. | Analisis sensitiviti dan senario; carta kipas merentas masa. |
| **3. Liabiliti luar jangka eksplisit** | Jaminan kewangan, obligasi PPP dan komitmen lain yang tidak dilaporkan sebagai hutang kerajaan. | Dinilai secara kuantitatif (nilai awal); tertakluk kepada nilai ambang tertentu. |
| **4. Liabiliti luar jangka implisit** | Fasa lanjutan mengandungi pelaporan mengenai sokongan kepada SOE, sektor kewangan dan pendedahan kepada kerajaan negeri. | Bermula sebagai pelaporan penilaian kualitatif seterusnya secara kuantitatif sekiranya bersesuaian. |
| **5. Risiko spesifik** | Risiko berkaitan bencana alam dan perubahan iklim, tuntutan undang-undang serta pendedahan struktur lain. | Pelaporan kualitatif kepada kuantitatif; anggaran kerugian akibat bencana. |
| **6. Pengurusan dan mitigasi risiko** | Had statutori (contohnya had jaminan 25% daripada KDNK), garis panduan, pelan pemulihan dan peruntukan. | Naratif dan status terkini berbanding had yang ditetapkan. |
| **7. Rumusan matriks risiko** | Gambaran menyeluruh mengenai risiko utama berdasarkan kemungkinan implikasi fiskal. | Heat-map/ Matriks. |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Kesimpulan

Cadangan penerbitan penyata risiko fiskal merupakan kesinambungan penting dalam rangka kerja tatakelola fiskal di bawah Akta 850. Pada masa ini, Malaysia telah menzahirkan maklumat utama kedudukan risiko fiskal melalui penerbitan FORE termasuk jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, Jaminan Kewangan dan ujian tekanan kemampanan hutang. Penerbitan penyata risiko fiskal melengkapkan pelaporan semasa pemantauan fiskal seiring dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Penerbitan penyata risiko fiskal yang komprehensif memerlukan pendekatan seluruh Kerajaan, koordinasi institusi serta pelaksanaan berfasa melalui penambahbaikan kandungan laporan iaitu daripada perincian sedia ada seperti risiko makro fiskal dan liabiliti luar jangka kepada pendedahan risiko yang lebih kompleks termasuk risiko iklim dan institusi.

Penyata risiko fiskal yang komprehensif dapat mengukuhkan lagi rangka kerja pengurusan risiko fiskal Malaysia dengan menggalakkan penilaian risiko yang bersistematik, penambahbaikan pemantauan oleh institusi parlimen dan pihak awam serta pengukuhan kredibiliti pengurusan fiskal Kerajaan. Ikhtiar ini penting memandangkan pendedahan risiko Malaysia memerlukan pemantauan berterusan dan pengurusan berhemat. Justeru, langkah menerbitkan penyata risiko fiskal bukan sekadar bertujuan memenuhi keperluan Akta 850 malah merupakan usaha penting demi memperkukuh daya tahan, ketelusan dan kemampanan kewangan awam Malaysia untuk jangka masa panjang.

**Rujukan**

Bureau of the Treasury, Republic of the Philippines. (2025). *Fiscal risks statement 2026.* https://www.treasury.gov.ph/wp-content/uploads/2025/12/FY-2026-Fiscal-Risks-Statement.pdf

Commonwealth of Australia. (2024). *Budget 2024–25: Budget paper no. 1 — Statement 9: Statement of risks*. https://budget.gov.au/

International Monetary Fund. (2018). *Fiscal transparency handbook.* https://doi.org/10.5089/9781484331859.069

International Monetary Fund. (2007). *Manual on fiscal transparency*. https://www.imf.org/external/np/fad/trans/manual.htm

International Monetary Fund. (2014). *The fiscal transparency code*. https://www.imf.org/external/np/fad/trans/Code2019.pdf

Kementerian Keuangan Republik Indonesia. (2025). *Nota Keuangan beserta Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara Tahun Anggaran 2026*. https://www.kemenkeu.go.id/informasi-publik/keuangan-negara/informasi-apbn

New Zealand Treasury. (2024). *Fiscal Risks and Pressures*. https://www.treasury.govt.nz/

OECD. (2020). *OECD best practices for managing fiscal risks: Lessons from case studies of selected OECD countries and next steps post COVID-19 (GOV/PGC/SBO(2020)6)*. https://www.oecd.org/gov/budgeting/

Office for Budget Responsibility. (2025). *Fiscal risks and sustainability — July 2025 (CP 1343)*. https://obr.uk/frs/fiscal-risks-and-sustainability-july-2025/

World Bank. (n.d.). *Managing fiscal risks: Overview*. https://www.worldbank.org/en/programs/debt-toolkit/fiscal-risk

# Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Kerajaan terus mengekalkan komitmen untuk menambah baik ketelusan pelaporan fiskal berpandukan penanda aras utama antarabangsa antaranya Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa dan rangka kerja Statistik Hutang Sektor Awam oleh IMF. Pada akhir Jun 2026, hutang dan liabiliti[1] adalah berjumlah RM1,763.3 bilion atau 80.7% daripada KDNK (2025: RM1,710.2 bilion; 84.4% daripada KDNK). Bagi memastikan risiko kekal terkawal selaras dengan objektif fiskal yang dimandatkan di bawah Akta 850, Kerajaan akan terus memantau dengan rapi tahap pendedahan hutang dan liabiliti serta risiko berkaitan terutamanya komitmen yang berpotensi menyebabkan obligasi fiskal pada masa hadapan.

**JADUAL 5.1.** *Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2025 – 2026*

| KOMPONEN | RM JUTA | | BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%) | |
|---|---|---|---|---|
| | 2025 | 2026[1] | 2025 | 2026[1] |
| Hutang Kerajaan Persekutuan | 1,320,777 | 1,378,894 | *65.2* | *63.1* |
| Komitmen jaminan | 245,777 | 248,285 | *12.1* | *11.4* |
| Liabiliti lain | 143,683 | 136,151 | *7.1* | *6.2* |
| **Jumlah** | **1,710,237** | **1,763,330** | ***84.4*** | ***80.7*** |

[1] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri

# Jaminan Kewangan

Malaysia sentiasa memanfaatkan sumber awam dan swasta bagi menyokong pembangunan negara serta melabur dalam infrastruktur strategik. Peruntukan fiskal langsung disediakan bagi membiayai penyediaan barangan dan perkhidmatan awam seperti kesihatan, keselamatan dan pendidikan. Kaedah kuasi-fiskal pula digunakan secara strategik bagi menyokong keperluan pembiayaan bersasar dan pelaksanaan projek infrastruktur utama. Instrumen Jaminan Kewangan adalah antara kaedah kuasi-fiskal yang digunakan bagi menyokong pelaksanaan program strategik dan pembangunan infrastruktur serta menggalakkan aktiviti ekonomi dan pengurusan fiskal berhemat. Selain empat perundangan utama yang mengawal selia Jaminan Kewangan iaitu Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] serta Akta Jaminan Pinjaman 1963 [Akta 412] dan 1972 [Akta 66], pengurusan dan pelaporan Jaminan Kewangan juga telah dirangkumkan dalam rangka kerja tanggungjawab fiskal secara menyeluruh susulan penggubalan Akta 850. Pada akhir Jun 2026, Jaminan Kewangan berjumlah RM447.3 bilion atau 20.4% daripada KDNK kekal di bawah had statutori 25% daripada KDNK seperti termaktub di bawah Jadual 1 Akta 850.

**JADUAL 5.2.** *Jaminan Kewangan[1], 2025 – 2026*

| KOMPONEN | RM JUTA | | BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%) | |
|---|---|---|---|---|
| | 2025 | 2026[2] | 2025 | 2026[2] |
| Jaminan di bawah Akta 96 | 352,856 | 354,418 | *17.4* | *16.2* |
| Jaminan di bawah Akta 61 | 89,785 | 92,906 | *4.4* | *4.2* |
| Ikatan dan Sokongan | 28,017 | 28,953 | *1.4* | *1.3* |
| Skim Jaminan | 61,768 | 63,953 | *3.0* | *2.9* |
| **Jumlah** | **442,641** | **447,324** | ***21.8*** | ***20.4*** |

[1] Tiada obligasi terkumpul di bawah Akta 66 dan Akta 412

[2] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

[1] Merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan serta komitmen kewangan daripada kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI)

*Jaminan di bawah Akta 96*

Jaminan yang diterbitkan di bawah Akta 96 merupakan bahagian terbesar daripada jumlah Jaminan Kewangan dengan sebahagian besar diberikan kepada badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan. Jaminan tersebut adalah bagi menyokong projek infrastruktur berintensifkan modal seperti pengangkutan awam dan utiliti yang lazimnya melibatkan tempoh pelaksanaan yang panjang serta memerlukan sebahagian sokongan Kerajaan untuk berdaya maju dari segi kewangan. Pendekatan ini membolehkan Kerajaan memudah cara pelaburan strategik di samping mengoptimumkan kos pembiayaan bagi menyokong pembangunan negara. Pada akhir Jun 2026, jaminan terkumpul di bawah Akta 96 berjumlah RM354.4 bilion atau 16.2% daripada KDNK.

Analisis mengikut segmen menunjukkan bahawa segmen infrastruktur merupakan bahagian terbesar jaminan di bawah Akta 96 iaitu sebanyak 60.2% mengambil kira projek pengangkutan awam berskala besar seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan rangkaian lebuh raya. Segmen perkhidmatan pula membentuk 30.4% terutamanya terdiri daripada jaminan bagi pembiayaan perumahan penjawat awam dan pinjaman pendidikan tinggi manakala segmen utiliti mewakili 3.6% dan pegangan pelaburan sebanyak 3.4%. Pendedahan ini juga tertumpu kepada 10 penerima utama yang merangkumi 92.7% daripada pendedahan jaminan di bawah Akta 96. Berdasarkan perspektif risiko mata wang, sebanyak 88.5% daripada jumlah jaminan adalah dalam denominasi ringgit sekali gus mengurangkan pendedahan Kerajaan terhadap turun naik tukaran asing. Selain itu, portfolio jaminan mempunyai purata wajaran tempoh matang pembiayaan selama 10.7 tahun.

**JADUAL 5.3.** *Penerima Utama Jaminan di bawah Akta 96, 2025 – 2026*

| ENTITI | RM JUTA | | BAHAGIAN (%) | | BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2025 | 2026[2] | 2025 | 2026[2] | 2025 | 2026[2] |
| DanaInfra Nasional Berhad | 92,395 | 92,095 | *26.2* | *26.0* | *4.6* | *4.2* |
| Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam | 56,820 | 60,045 | *16.1* | *17.0* | *2.8* | *2.8* |
| Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.[1] | 54,264 | 58,967 | *15.4* | *16.6* | *2.7* | *2.7* |
| Prasarana Malaysia Berhad | 42,650 | 43,950 | *12.1* | *12.4* | *2.1* | *2.0* |
| Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional | 41,450 | 42,450 | *11.7* | *12.0* | *2.0* | *1.9* |
| Projek Lebuhraya Usahasama Berhad | 11,000 | 11,000 | *3.1* | *3.1* | *0.5* | *0.5* |
| Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) | 7,328 | 5,880 | *2.1* | *1.7* | *0.4* | *0.3* |
| 1Malaysia Development Berhad | 5,000 | 5,000 | *1.4* | *1.4* | *0.2* | *0.2* |
| Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.[1] | 4,729 | 4,641 | *1.3* | *1.3* | *0.2* | *0.2* |
| Pengurusan Air SPV Berhad | 5,790 | 4,390 | *1.6* | *1.2* | *0.3* | *0.2* |
| **Jumlah 10 penerima utama** | **321,426** | **328,418** | ***91.0*** | ***92.7*** | ***15.8*** | ***15.0*** |
| *Penerima lain* | *31,430* | *26,000* | *9.0* | *7.3* | *1.6* | *1.2* |
| **Jumlah jaminan** | **352,856** | **354,418** | ***100.0*** | ***100.0*** | ***17.4*** | ***16.2*** |

[1] Tertakluk kepada kadar tukaran asing
[2] Akhir Jun 2026
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

*Jaminan di bawah Akta 61*

Jaminan di bawah Akta 61 merangkumi surat ikatan, sokongan dan skim jaminan awam. Surat ikatan dan sokongan merupakan instrumen yang diberikan bagi tujuan khusus seperti pelaburan strategik dan pelaksanaan penstrukturan korporat. Pada akhir Jun 2026, surat ikatan dan sokongan mencatat sebanyak RM28.9 bilion atau 1.3% daripada KDNK. Kerajaan akan terus memperkukuh langkah mitigasi risiko bagi instrumen berkaitan surat ikatan dan sokongan termasuk melalui pewujudan parameter yang berhemat bagi mengawal penerbitan instrumen tersebut.

Sementara itu, skim jaminan awam ditadbir oleh tiga entiti iaitu Syarikat Jaminan Pinjaman Perniagaan Berhad, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Skim tersebut dirangka bagi menyokong PKS, pelaburan lestari dan hijau serta pemilikan rumah terutamanya dalam kalangan belia dan pembeli rumah pertama. Pada akhir Jun 2026, jumlah pendedahan terkumpul di bawah skim tersebut adalah sebanyak RM64 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, risiko fiskal berkaitan skim tersebut kekal terkawal dengan jaminan diberikan berdasarkan parameter risiko kredit yang telah ditetapkan oleh institusi kewangan berkaitan di samping pengawasan rapi oleh Bank Negara Malaysia.

## Komitmen Jaminan

Penerima Jaminan Kewangan yang mendapat sokongan dalam pelbagai bentuk seperti bantuan pembayaran sebahagian kadar faedah, peruntukan modal kerja atau suntikan

**JADUAL 5.4.** *Komitmen Jaminan, 2025 – 2026*

| ENTITI | RM JUTA | | BAHAGIAN (%) | |
|---|---|---|---|---|
| | 2025 | 2026[3] | 2025 | 2026[3] |
| DanaInfra Nasional Berhad | 92,395 | 92,095 | *37.6* | *37.1* |
| Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.[1] | 54,264 | 58,967 | *22.1* | *23.7* |
| Prasarana Malaysia Berhad | 42,650 | 43,950 | *17.4* | *17.6* |
| Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.[2] | 24,786 | 24,274 | *10.1* | *9.8* |
| Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) | 7,328 | 5,880 | *3.0* | *2.4* |
| 1Malaysia Development Berhad | 5,000 | 5,000 | *2.0* | *2.0* |
| Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.[1] | 4,729 | 4,641 | *1.9* | *1.9* |
| Jambatan Kedua Sdn. Bhd.[1] | 3,491 | 3,446 | *1.4* | *1.4* |
| Turus Pesawat Sdn. Bhd. | 3,360 | 3,360 | *1.4* | *1.4* |
| GovCo Holdings Berhad | 3,300 | 2,900 | *1.3* | *1.2* |
| MKD Kencana Sdn. Bhd. | 2,000 | 2,000 | *0.8* | *0.8* |
| MKD Signature Sdn. Bhd.[2] | 1,560 | 1,560 | *0.6* | *0.6* |
| Syarikat Perumahan Negara Berhad | 265 | 212 | *0.1* | *0.1* |
| TRX City Sdn. Bhd. | 650 | - | *0.3* | - |
| **Jumlah** | **245,778** | **248,285** | ***100.0*** | ***100.0*** |

[1] Tertakluk kepada kadar tukaran asing
[2] Jaminan di bawah Akta 61
[3] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

aliran tunai sementara dikategorikan sebagai komitmen jaminan. Penyediaan sokongan kewangan ini bertujuan memastikan pelaksanaan berterusan projek dan program kritikal mencapai objektif ekonomi dan pembangunan yang lebih menyeluruh. Pada akhir Jun 2026, komitmen jaminan adalah berjumlah RM248.3 bilion atau 55.5% daripada jumlah Jaminan Kewangan terkumpul. Kedudukan ini secara amnya kekal stabil berbanding akhir 2025 mengambil kira keperluan pembiayaan tambahan bagi projek ECRL dan DanaInfra Nasional Berhad diimbangi penebusan obligasi pembiayaan oleh GovCo Holdings Berhad, TRX City Sdn. Bhd. dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

## Liabiliti Lain

Liabiliti lain terdiri daripada obligasi kewangan daripada pelaksanaan kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Mekanisme pembiayaan tersebut menyediakan kaedah alternatif bagi menyokong pembangunan infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan awam melalui pembiayaan dan penyertaan oleh sektor swasta. Walaupun kaedah ini dapat memudah cara pelaksanaan projek strategik tanpa memerlukan peruntukan belanjawan awal, namun obligasi pembayaran jangka masa panjang yang terhasil kekal sebagai komponen penting dalam keseluruhan pendedahan fiskal Kerajaan dan memerlukan pertimbangan teliti dalam menilai ruang fiskal dan kemampuan kewangan Kerajaan.

### *Kerjasama Awam-Swasta*

Rangka kerja PPP memudah cara kerjasama antara sektor awam dengan swasta dalam penyampaian infrastruktur, aset dan perkhidmatan awam. Berdasarkan rangka kerja ini, pihak swasta boleh membiayai, membangunkan dan mengendalikan projek berdasarkan pengurusan kontrak yang menetapkan obligasi, kaedah perkongsian risiko dan pencapaian. Projek PPP dilaksanakan melalui pelbagai model pembiayaan termasuk model berasaskan bayaran oleh pengguna yang dibiayai oleh sektor swasta dan model pembiayaan bersama melibatkan perkongsian pembiayaan antara Kerajaan dengan sektor swasta.

Pada akhir Jun 2026, obligasi kewangan di bawah pajakan kewangan PPP berjumlah RM97.7 bilion atau 4.5% daripada KDNK. Komitmen PPP baharu dan sedia ada akan terus dipantau dari aspek nilai untuk wang, kemampuan kewangan dan kapasiti fiskal keseluruhan Kerajaan bagi memastikan kaedah tersebut kekal berdaya maju dan mampan dari segi kewangan.

### *Inisiatif Pembiayaan Swasta*

Pembiayaan PFI menyokong pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam melalui penggemblengan pembiayaan jangka panjang daripada pelabur institusi. Sejak ditubuhkan, PFI telah membiayai projek merentas pelbagai sektor termasuk utiliti awam, pendidikan, perumahan mampu milik, pembangunan kemahiran dan penyelenggaraan kemudahan kerajaan. Kaedah tersebut melibatkan penyediaan pembiayaan oleh pelabur institusi termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) manakala Kerajaan menanggung obligasi bayaran balik yang berkaitan. Pada akhir Jun 2026, obligasi PFI berkurang kepada RM38.5 bilion atau 1.7% daripada KDNK berbanding RM41.4 bilion pada akhir 2025. Setelah mengambil kira obligasi pajakan kewangan di bawah PPP, liabiliti lain adalah sebanyak RM136.2 bilion atau 6.2% daripada KDNK pada akhir Jun 2026.


# Kesimpulan

Pendedahan risiko fiskal Malaysia kekal terurus dan terkawal disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko komprehensif yang terus diperkukuh bagi meningkatkan keupayaan mengenal pasti, memantau dan melaksanakan langkah mitigasi terhadap kejutan kewangan awam. Di bawah rangka kerja institusi Akta 850, Kerajaan telah memperkemas pengurusan risiko fiskal secara progresif melalui pengenalan garis panduan rasmi dan pematuhan had statutori 25% daripada KDNK bagi Jaminan Kewangan. Langkah tersebut beserta pemantauan yang ditambah baik terhadap liabiliti luar jangka dan sumber pendedahan fiskal lain menjadi asas penting kepada pengekalan kemampanan fiskal.


Penambahbaikan berterusan ke atas rangka kerja PPP dapat menyokong pengagihan peruntukan dan pengurusan sumber awam yang lebih efektif. Di samping itu, usaha berterusan untuk memperkukuh tatakelola dan pemantauan terhadap entiti milik kerajaan melalui cadangan penggubalan undang-undang berkaitan entiti milik kerajaan dapat membantu mengurangkan pendedahan risiko fiskal yang berpunca daripada operasi, obligasi kewangan dan kebergantungan kepada kerajaan. Penggubalan Akta Perolehan Kerajaan 2026 [Akta 882] pula akan memperkemas tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam rantaian aktiviti perolehan. Langkah ini akan memperkukuh kawalan ke atas risiko berkaitan perolehan selain mengurangkan ketidakcekapan, lebihan kos dan pendedahan fiskal lain.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memperkasakan penginstitusian pengurusan risiko fiskal khususnya melalui penerbitan Penyata Risiko Fiskal bagi menyediakan penilaian yang komprehensif dan telus ke atas pendedahan risiko fiskal Kerajaan serta kemungkinan implikasi terhadap kewangan awam. Mengambil kira penilaian risiko pengurusan kewangan awam yang lebih dinamik dan ke hadapan, usaha tersebut akan memperkukuh keupayaan Kerajaan menjangka dan mengurus kemungkinan risiko, meningkatkan ketahanan fiskal, memelihara kedudukan kredit berdaulat serta mengekalkan ruang fiskal demi menyokong aspirasi pembangunan negara.


**RAJAH 5.1.** *Jaminan Kewangan*




**RAJAH 5.2.** *Profil Kematangan Jaminan di bawah Akta 96*[1]





**RAJAH 5.3.** *Jaminan di bawah Akta 96 mengikut Segmen*




[1] Akhir Jun 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

**RAJAH 5.4.** *Obligasi PPP Terkumpul mengikut Sektor*




[1] Akhir Jun 2026

Sumber: Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri